



PELAN STRATEGIK

2020-2025

MAJLIS DAERAH JERANTUT






PELAN STRATEGIK

2020-2025

MAJLIS DAERAH JERANTUT



ISI KANDUNGAN

1. Kata-Kata Aluan Yang Dipertua.....	1
2. Ringkasan Eksekutif	2
3. Pengenalan	4
4. Carta organisasi	6
5. Fungsi dan peranan	7
6. Stakeholders dan Pelanggan	9
7. Analisis Persekitaran	10
8. Visi	13
9. Misi	15
10. Nilai-nilai Bersama	17
11. Objektif Strategik	18
12. Strategi, Pelan Tindakan dan KPI	19
a) Mempertingkatkan Keupayaan dan Kapasiti Majlis	
b) Memperkasa Tadbir Urus Majlis	
c) Memperkukuh dan Memantapkan Sumber Hasil Majlis	
d) Mempertingkatkan Kualiti Hidup Komuniti	
e) Memantapkan Kolaborasi Strategik	
13. Peta Strategi	26
14. Penutup	29

KATA-KATA ALUAN
YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH JERANTUT

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah KurniaNya jua Majlis Daerah Jerantut dapat merangka Pelan Strategik Majlis Daerah Jerantut 2020-2025 ini. Dalam menjadikan Majlis Daerah Jerantut sebagai sebuah Bandar terunggul, Majlis Daerah Jerantut telah menggariskan visi yang lebih jelas dan terperinci menjelang tahun 2025 ke arah Bandar yang makmur, tersusun, dan terurus serta memenuhi keperluan sosioekonomi penduduk di Daerah Jerantut. Pelan Pengurusan Strategik amat perlu dalam memastikan segala perancangan dan kelancaran perjalanan visi Majlis Daerah Jerantut dapat dicapai menjelang tahun 2025.

Justeru itu, Pelan Pengurusan Strategik amat penting dalam memberikan kefahaman dan panduan yang menyeluruh kepada seluruh warga kerja dalam menyampaikan perkhidmatan ke arah matlamat dan wawasan yang ingin dituju serta ingin dicapai menjelang tahun 2025.

Pelan Pengurusan Strategik ini tidak mungkin akan dapat dicapai, sekiranya tidak mendapat kerjasama dan sokongan daripada pihak atasan, sehubungan dengan itu Majlis Daerah Jerantut amat berharap dan menghargai segala kerjasama dan sumbangan yang diberikan kepada semua warga kerja Majlis Daerah Jerantut serta pihak atasan dalam menjayakan Pelan Pengurusan Strategik ini.

Semoga segala apa yang dirancang dan dilaksanakan akan memperolehi kejayaan dan keberkatan serta memperolehi keberkatan dan keizinan Allah SWT, agar perancangan Pelan Pengurusan Strategik ini dapat memberikan manfaat dan kebaikan yang berpanjangan kepada semua warga kerja Majlis Daerah Jerantut serta penduduk di Daerah Jerantut.

Sekian, terima kasih.

LATAR BELAKANG/ SEJARAH PENUBUHAN

Majlis Daerah Jerantut merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan perbandaran kepada penduduk Daerah Jerantut. Sejarah Majlis bermula pada tahun 1979 apabila Lembaga Bandaran Jerantut ditubuhkan , seterusnya dinaikkan ke taraf Majlis Daerah pada 1 Mac,1982.

Sebagai organisasi yang diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Majlis Daerah Jerantut juga bertanggungjawab terhadap perancangan dan pembangunan Bandar Jerantut yang merangkumi kawasan keluasan 121.09 km persegi, iaitu 30.13 km persegi adalah kawasan operasi.

Majlis Daerah Jerantut telah meluluskan perluasan kawasan yang meliputi keseluruhan Daerah Jerantut kecuali hutan simpan, iaitu seluas 1,765.51 km persegi. Kawasan operasi baru Majlis Daerah Jerantut bertambah sebanyak 99.69 km persegi menjadikan keseluruhan kawasan operasi selepas perluasan adalah 129.57 km persegi.

VISI MAJLIS DAERAH JERANTUT

Memajukan semua sektor ke arah mewujudkan kekuatan ekonomi, kesejahteraan hidup dan keadilan sosial bagi Daerah Jerantut.

Visi Majlis Daerah Jerantut ini menetapkan halatuju yang diharapkan akan terbentuk dan tercapai menjelang tahun 2025. Visi ini merangkumi kekuatan tiga elemen utama bagi Majlis Daerah Jerantut iaitu memantapkan sosio-ekonomi, membentuk kesejahteraan hidup tanpa mengabaikan kualiti kehidupan serta memberikan keadilan sosial bagi semua lapisan masyarakat di bawah kawalan Majlis Daerah Jerantut. Selaras dengan itu, pelbagai strategi dan inisiatif perlu dilakukan bagi memastikan halatuju dapat dicapai menjelang tahun 2025.

MISI MAJLIS DAERAH JERANTUT

Merealisasikan Majlis Daerah Jerantut sebagai sebuah Pihak Bekuasa Tempatan yang maju dan makmur berteraskan pengurusan yang dinamik dan progresif berlandaskan kepada pengurusan sumber dan personal yang produktif menjelang tahun 2025.

Tujuan utama Majlis Daerah Jerantut adalah untuk merealisasikan perancangan dan matlamat yang ingin dicapai berlandaskan kepada pengurusan sumber dan personal yang produktif. Misi ini akan dapat dicapai melalui beberapa langkah seperti:

- Membentuk perancangan dan dasar yang bersesuaian dengan matlamat dan hala tuju yang ingin dicapai.
- Membentuk pengurusan yang dinamik dan progresif
- Menwujudkan tenaga kerja yang produktif
- Membentuk serta membina hubungan yang baik, cekap dan mesra pelanggan

FUNGSI DAN PERANAN

1. Merancang dan mengawal perkembangan pembangunan termasuk menyediakan pelan struktur
2. Menyelaras dan membantu membangunkan pekan atau bandar-bandar baru
3. Mempertingkatkan kemudahan-kemudahan asas, menaikkan taraf kampung dan menggalakkan kegiatan ekonomi yang berdaya maju
4. Mengindahkan bandar dengan landskap yang menarik
5. Mengawal bangunan, pengiklanan dan papan tanda
6. Memberi perkhidmatan kesihatan, kawalan makanan, kebersihan pusat jualan makanan dan kawalan penyakit berjangkit
7. Menyediakan kemudahan-kemudahan awam seperti pasar, gerai, dewan, kompleks sukan, taman permainan kanak-kanak dan perhentian bas
8. Melesenkan dan mengawal perniagaan, iklan dan penjaja
9. Mengawal selia pelupusan sisa pepejal dan pembersihan Bandar
10. Menyelenggara sistem saliran dan kebersihan ala sekitar
11. Membina serta menyelenggara parit dan longkang
12. Merancang dan menggalakkan pembangunan secara lebih sistematik dan selaras dengan dasar-dasar Majlis
13. Mengwujudkan suasana pembangunan yang bersesuaian bagi menjadikan Bandar Jerantut sebagai pintu masuk utama pelancong
14. Membuat penelitian untuk memperbaiki dan mempertingkatkan penyertaan Bumiputra dipelbagai sektor perdagangan
15. Menentukan arah dan corak pembangunan serta penggunaan tanah terutamanya untuk pembangunan baru dan pembangunan semula selaras dengan struktur dan fungsi petempatan
16. Meningkatkan susunan fizikal bandar serta memperbaiki sistem lalulintas semasa, sesuai dengan keperluan

STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN



ANALISIS PERSEKITARAN

KEKUATAN

- Sumber kewangan yang stabil dalam kawalan
- Sumber manusia yang kompeten dan berintegriti
- Kemudahan ICT
- Sikap untuk berdaya saing
- Pengurusan yang cekap
- Persekitaran kerja yang kondusif
- Staf yang berpengalaman
- Kepimpinan yang dinamik dan komited
- Pelan pembangunan yang terancang
- Teamwork dan komited kakitangan yang tinggi
- E-PBT
- MS ISO 9001:2015
- Eksa

KELEMAHAN

- Tiada pegawai profesional
- Kekurangan Pekerja
- Tiada unit perancang strategik dan pengurusan korporat
- Undang-undang kecil yang lama
- Penguatkuasaan yang tidak efektif
- Sumber hasil yang terhad
- Kurang insentif daripada pihak kerajaan dalam bidang kemajuan kerjaya dan kebajikan
- Ruang pejabat yang sempit dan terhad
- Laluan kerjaya yang terhad

ANALISIS PERSEKITARAN

PELUANG

- Sokongan kerajaan
- Peluasan kawasan/hasil baru
- Terdapat kawasan-kawasan berpotensi untuk dimajukan
- Peluang pelaburan dalam pelbagai sektor
- Melaksanakan kerja-kerja penilaian semula cukai taksiran bagi menambah hasil
- Penglibatan dan kerjasama sebahagian penduduk dalam menjayakan program-program PBT
- Pusat Pelancongan yang terdapat di Daerah Jerantut iaitu Taman Negara, Gua Kota Gelanggi, Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak, Pusat Penternakan Ikan Air Tawar, Pusat Bioteknologi Haiwan dan lain-lain
- Terdapat kawasan/tapak sejarah yang belum dieksploitasi
- Sistem politik Negara yang stabil
- Masyarakat yang responsif
- Kewujudan akta dan undang-undang/undang-undang kecil Majlis Daerah Jerantut
- Sokongan pemimpin politik dan pentadbiran
- Lokasi yang strategik
- Termasuk dalam kawasan ECER
- Potensi pelabur yang tinggi

ANCAMAN

- Persepsi Negatif Masyarakat terhadap agensi kerajaan
- Pekerja asing terlalu ramai
- Kegagalan syarikat konsesi kegawatan ekonomi boleh menjejaskan kadar kemasukan pelancong
- Persaingan antara PBT yang berjiran
- Saingan dengan bandar berdekatan
- Imigrasi tenaga kerja produktif ke luar daerah kerana kurangnya peluang pekerjaan di Daerah Jerantut
- Tahap kesedaran ICT penduduk rendah
- Ekonomi yang tidak stabil
- Pemahaman orang awam terhadap agensi kerajaan

NILAI-NILAI BERSAMA

- Kami **mengutamakan pelanggan** dan komited untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti.
- Kami sentiasa berusaha untuk mencapai **kecemerlangan** dalam setiap perkara yang dilaksanakan.
- Kami berkerja dalam **satu pasukan** bagi menjana kebolehan dan keupayaan bersama.
- Kami mendukung dan mengamalkan **integriti** pada setiap masa.
- Kami **prihatin** kepada komuniti dan alam sekitar.

OBJEKTIF STRATEGIK

1. Mempertingkatkan keupayaan dan Kapasiti Majlis
2. Memperkasakan Tadbir Urus Majlis
3. Memperkukuh dan Memantapkan Sumber Hasil Majlis
4. Mempertingkatkan Kualiti Hidup Komuniti
5. Memantapkan Kolaborasi Strategik

a) MEMPERTINGKAT KEUPAYAAN DAN KAPASITI MAJLIS

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/TAHUN SASARAN
Memantapkan pembangunan organisasi	<p>Memperkukuhkan struktur dan skim perkhidmatan</p> <p>Memantapkan penghayatan budaya organisasi cemerlang</p>	Penarafan dalam Star Rating PBT	Mendapatkan penarafan 5 bintang/tahun sasaran 2025
Memantapkan pengurusan Sumber Manusia	<p>Mewujudkan pelan komprehensif sumber manusia</p> <p>Mempertingkatkan kompetensi pegawai</p> <p>Memantapkan pengurusan prestasi</p>	Latihan kepada pekerja	Mahir dengan kerja hakiki
Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif	<p>Mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan</p> <p>Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak pengurusan pekerja</p> <p>Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat</p>	Tahap kepuasan pekerja	Pekerja berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan.

b. MEMPERKASA TADBIR URUS MAJLIS

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/TAHUN SASARAN
Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman	<p>Memperkukuhkan dan melaksanakan sistem pemantauan pengurusan</p> <p>Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni</p> <p>Mengoptimumkan operasi majlis</p>	<p>Sistem Penarafan Bintang</p> <p>Prestasi perbelanjaan</p>	<p>Mendapatkan penarafan 5 bintang/ tahun sasaran 2025</p> <p>Mencapai perbelanjaan seimbang antara hasil dan perbelanjaan/ tahun sasaran 2025</p>
Memantapkan sistem dan prosedur kerja	<p>Menyemak pemakaian dan keberkesanan peraturan/ undang-undang sediaada</p> <p>Memperkasa dan menambahbaik sistem dan prosedur kerja</p>	Tahap kepuasan pelanggan	Pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan dengan berkurangnya aduan.
Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan	<p>Mewujudkan kod etika dan amalan terbaik penguatkuasaan</p> <p>Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu</p> <p>Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota</p>	Jumlah kes yang di saman	Jumlah kes yang melanggar undang-undang berkurangan

c. MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN SUMBER HASIL MAJLIS

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/TAHUN SASARAN
Memantapkan keupayaan kutipan hasil	<p>Mempelbagaikan kaedah kutipan dan saluran pembayaran hasil</p> <p>Meningkatkan kecekapan sistem pemantauan kutipan hasil</p> <p>Mempertingkatkan keberkesanan kutipan hasil yang tertunggak</p>	<p>Jumlah kutipan hasil</p> <p>Jumlah kutipan hasil tertunggak</p>	<p>Jumlah kutipan hasil bertambah</p> <p>Tunggakan berkurangan</p>
Mempelbagaikan sumber hasil	<p>Memperkasa dan memperhebatkan kegiatan ekonomi dan pelaburan yang berimpak tinggi</p> <p>Meningkatkan kemudahan dan peluang kegiatan sosio-ekonomi bandar</p> <p>Mempertingkatkan keberkesanan kutipan hasil tertunggak</p>	<p>Jumlah kutipan hasil</p> <p>Jumlah kutipan hasil tertunggak</p>	<p>Jumlah kutipan hasil bersamaan dengan anggaran/ tahun sasaran 2025</p> <p>Jumlah kutipan melebihi 70% dari jumlah keseluruhan hasil tertunggak/ tahun sasaran 2025</p>

d. MEMPERTINGKATKAN KUALITI HIDUP KOMUNITI

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/TAHUN SASARAN
Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur awam	<p>Membangunkan Pelan Pembangunan kemudahan Infrastruktur Awam yang komprehensif</p> <p>Mempermudahkan proses penyediaan kemudahan dan infrastruktur oleh jabatan/ agensi Kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan</p>	Tahap kepuasan pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 70% setiap tahun
Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan perbandaran	<p>Mempertingkatkan pengawalseliaan terhadap syarikat konsesi</p> <p>Mewujudkan Pusat Maklumbalas Komuniti dan jawatankuasa perhubungan komuniti</p>	Tahap kepuasan pelanggan Aduan komuniti	Tahap kepuasan melebihi 70% setiap tahun Setiap tahun 70% aduan komuniti dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan
Mewujudkan persekitaran yang bersih, indah, selamat dan selesa	Memastikan pelaksanaan projek pembangunan selaras dengan kelulusan yang diberi	Pemantauan di tapak-tapak projek oleh PBT dan agensi teknikal yang berkaitan	Peningkatan 70% indeks kualiti Perkhidmatan Kesihatan dan Perbandaran/tahun sasaran 2025

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/TAHUN SASARAN
	<p>Meningkatkan kesedaran dan menerapkan budaya kebersihan persekitaran</p> <p>Membangunkan Pelan Pembangunan Landskap</p> <p>Meningkatkan penghayatan dan kesedaran gaya hidup sihat</p> <p>Meningkatkan kesedaran penjagaan alam sekitar</p>	<p>Penglibatan penduduk dalam program gotong-royong dan kebersihan bandar</p> <p>Penyediaan Pelan Pembangunan Landskap di bandar dan kawasan-kawasan perumahan</p>	
Memperkuhkan pengurusan aset dan fasiliti awam	<p>Membangunkan Pelan Penyelenggaraan Fasiliti Awam</p> <p>Mempertingkatkan penggunaan Sistem Pengurusan Aset</p>	<p>Kos penyelenggaraan</p> <p>Jangka hayat aset dan kemudahan</p>	<p>Penurunan 10% kos penyelenggaraan</p> <p>Peningkatan 5% jangka hayat aset dan kemudahan</p>

e. MEMANTAPKAN KOLABORASI STRATEGIK


STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/TAHUN SASARAN
Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan	Mewujudkan mekanisme penyalarsan pelaksanaan dengan agensi kerajaan, NGO's serta pihak swasta	Tahap kepuasan pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 70% setiap tahun
Memperkukuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program Majlis	Mempertingkatkan penglibatan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan program Majlis Daerah Jerantut seperti: <ul style="list-style-type: none"> - Program LA 21 - Hari Bersama Pelanggan (setiap jumaat) - Publisiti dan Penyertaan Awam 	Penyertaan komuniti	70% penglibatan komuniti dalam perancangan program/aktiviti. Tahun sasaran 2025
Memperkasa imej Majlis Daerah Jerantut	Membangunkan Pelan Penjenamaan Semula Majlis Membangunkan Pelan Media Mempertingkatkan keberkesanan program promosi	Persepsi masyarakat	70% masyarakat berpandangan positif terhadap Majlis

PETA STRATEGI

Peta Strategi (Strategy Map) member gambaran menyeluruh terhadap strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan. Terdapat 16 bulatan (bubble) dalam peta strategi, dan tiap bulatan merupakan strategi yang perlu dilaksana bagi mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan dalam tempoh masa pelaksanaan Pelan Strategik ini. Pencapaian strategi dan objektif strategik ini boleh diukur berdasarkan KPI yang ditetapkan.

Peta Strategi ini dibahagikan kepada empat (4) perspektif utama iaitu Perspektif Pelanggan, Perspektif Kewangan, Perspektif Proses Dalaman serta Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan.

PETA STRATEGI MAJLIS DAERAH JERANTUT 2020-2026



PENUTUP

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar strategi pembangunan Negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat dan masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik Majlis Daerah Jerantut telah menggariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta pelan tindakan yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyalarsan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan KPI berkaitan. Pelan strategi ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.